

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2005/2006

November 2005

RPK 231 – Prinsip-Prinsip Perancangan

Masa: 3 Jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA BELAS** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **SEMUA** soalan dari **BAHAGIAN A dan BAHAGIAN B**.
(**BAHAGIAN A dan BAHAGIAN B** hendaklah diikat secara **BERASINGAN**)

BAHAGIAN A (Soalan OBJEKTIF). Jawab **SEMUA** Soalan. (40 MARKAH)

Pilih jawapan **yang paling tepat** dari jawapan-jawapan yang menuruti soalan atau kenyataan berikut.

1. Dalam konsep perancangan Imaret, kegunaan yang terdapat di tengah-tengah adalah selalunya:
 - A. Rumah-rumah persinggahan
 - B. Masjid
 - C. Institusi pendidikan
 - D. Institusi kebajikan

2. Dalam aktiviti kitar semula, barang-barang kaca mesti dimasukkan ke dalam tong berwarna:
 - A. Biru
 - B. Jingga
 - C. Hijau
 - D. Coklat

3. Skop perancangan yang paling makro adalah:
 - A. Perancangan Wilayah
 - B. Perancangan Spatial Negara
 - C. Pelan Struktur Negeri
 - D. Pelan Tempatan

4. Audit Perancangan (Planning Audit) adalah satu proses:
 - A. Memastikan bilangan kemudahan-kemudahan awam yang disediakan di atas tapak mematuhi bilangan yang dirancang di pelan susunatur.
 - B. Memastikan permohonan kelulusan susunatur dilakukan menurut prosidur yang betul.
 - C. Mengenalpasti samada pembangunan yang dilaksanakan berasaskan konsep perancangan serta implikasi darinya.
 - D. Memastikan perbelanjaan yang dibuat ke atas perancangan bandar dipatuhi dan tidak melebihi hadnya.

5. Akta pindaan 172, memasukkan pindaan kepada skop dan istilah 'pemilik-pemilik sekitar' tapak pembangunan. Perubahan ini dilakukan terutamanya kerana:
- A. Kadangkala tapak tidak mempunyai lot-lot sekitar.
 - B. Kadangkala pemilik-pemilik lot sebelah gagal dikesan.
 - C. Kadangkala pemilik lot-lot sebelah adalah orang yang sama.
 - D. Kesan pembangunan kadangkala turut dirasai oleh pemilik-pemilik yang berjauhan dari lot terbabit.
6. Secara umumnya, proses pembangunan perumahan di Jepun dipengaruhi oleh:
- A. Sistem pengangkutan
 - B. Harga tanah
 - C. Hubungan kekeluargaan
 - D. Lokasi tempat kerja masing-masing
7. Berbeza dengan dekad-dekad yang lalu, pembuat-pembuat kereta di Jepun pada hari ini lebih bersaing untuk menunjukkan bahawa kereta-kereta buatan mereka:
- A. kurang mencemarkan alam sekitar.
 - B. mempunyai rekabentuk yang paling moden.
 - C. lebih murah.
 - D. mempunyai keselamatan yang tinggi.
8. Jabatan teknikal ini tidak terlibat dalam proses kelulusan susunatur di sesebuah majlis perbandaran:
- A. Jabatan Taman dan Rekreasi
 - B. Jabatan kejuruteraan
 - C. Jabatan Ukur dan Pemetaan
 - D. Pejabat Tanah dan Galian

9. Pihak Berkuasa Perancangan akan hanya menerima pakai dan mengiktiraf Laporan Cadangan Pembangunan (LCP) sekiranya ia disediakan oleh pihak berikut:
- A. Perunding Akitik yang mempunyai pengalaman luas dalam Perancangan Bandar.
 - B. Pensyarah Perancangan Bandar yang berpengalaman lebih 15 tahun.
 - C. Perancang Bandar yang berpengalaman dalam kajian-kajian perbandaran.
 - D. Perancang Bandar Bertauliah yang mengikut keperluan Akta 172.
10. Berikut adalah isu-isu yang sering bincangkan mengenai penyediaan infrastruktur di Malaysia, KECUALI:
- A. Penyelenggaraan tidak diutamakan selepas projek disediakan.
 - B. Kos merupakan faktor penting yang diperlukan.
 - C. Tiada agensi atau badan kerajaan yang menyelenggara infrastruktur awam.
 - D. Kerajaan dan pemaju adalah perancang dan pelaksana projek infrastruktur.
11. Laporan Cadangan Pemajuan (LCP) antara lain disediakan untuk tujuan berikut:
- I Keperluan bagi permohonan kelulusan Pelan Susunatur.
 - II Memberi maklumat terperinci perancangan kepada Pihak Berkuasa Tempatan dan Perunding projek.
 - III Memberi gambaran sebenar projek yang akan dilaksanakan nanti.
 - IV Dapat mengurangkan kos pembangunan projek.
- A. I dan II
 - B. II dan III
 - C. I, II dan III
 - D. I, II, III dan IV

12. Sebuah Laporan Cadangan Pemajuan (LCP) yang lengkap dan berkesan TIDAK DAPAT DICAPAI atas salah satu alasan berikut:
- A. Maklumat terperinci komponen perancangan dikaji secara komprehensif.
 - B. Mengambilkira mengenai hasrat dan Strategi Pembangunan Negeri.
 - C. Kajian menumpukan kepada tapak projek semata-mata.
 - D. Aspek ekonomi dan alam sekitar dikenalpasti secara kurang mendalam.
13. Kenyataan yang TEPAT mengenai pembangunan sesebuah pusat bandar baru.
- A. Penyediaan kemudahan awam dan infrastruktur perlu disediakan oleh pemaju sahaja.
 - B. Kos penyediaan infrastruktur antara kos tertinggi dalam pembangunan projek.
 - C. Infrastruktur bagi projek tidak perlu dirancang kerana ia melibatkan kos dan masa.
 - D. Perancangan kemudahan infrastruktur ditentukan oleh Perancang Bandar sahaja.
14. Perbezaan penyediaan infrastruktur di bandar dan luar bandar adalah seperti berikut, KECUALI:
- A. Kos penyediaan yang tinggi di bandar.
 - B. Disediakan mengikut kehendak dan keperluan semasa.
 - C. Kajian Kedayahidupan perlu untuk projek bandar dan luar bandar.
 - D. Peruntukan dari dana Wakil Rakyat sering digunakan untuk projek luar bandar.
15. Kerap kali petani-petani di utara semenanjung dinasihatkan tidak membakar jerami di sawah-sawah mereka kerana ia akan mengakibatkan kemalangan di Lebuhraya PLUS. Namun, berdasarkan kepada Prinsip Perancangan Sejangat, petani-petani tersebut tidak seharusnya dipersalahkan demi:
- A. Menghormati budaya dan adat resam setempat
 - B. Menghormati kegunaan tanah yang lebih awal
 - C. Menghormati Kanun Tanah Negara
 - D. Menghormati Akta Pertanian Negara

16. Salah satu dari berikut bukannya pihak berkuasa pembangunan wilayah di Malaysia:
- A. KETENGAH
 - B. UDA
 - C. KEJORA
 - D. DARA
17. Doktrin Perancangan Sejagat **KURANG** memberi penekanan kepada:
- A. Pencipta
 - B. Alam Sekitar
 - C. Manusia
 - D. Kemakmuran ekonomi
18. Prinsip 'Ehsan' dalam merancang dapat digambarkan dalam kes berikut:
- A. Meminta penduduk sama-sama membantu merancang pembangunan di sekitar mereka.
 - B. Mengadakan 10% lebih tanah lapang dari yang diwajibkan.
 - C. Menyempitkan lorong belakang rumah dari yang sepatutnya.
 - D. Mengadakan satu taman eksklusif untuk penghuni kondominium di atas bumbung bangunan.
19. Perancangan rumah menurut pandangan Islam adalah antara berikut... **kecuali**:
- A. Rumah tempat selamat untuk berteduh
 - B. Kehidupan peribadi
 - C. Tiada batasan aurat
 - D. Sekurang-kurangnya 3 bilik tidur
20. Bandar-bandar mendapat tema hasil daripada perancangannya. Komponen utama bandar adalah seperti berikut..... **kecuali**:
- A. Susunatur
 - B. Skap bandar (Townscape)
 - C. Komponen aktiviti
 - D. Kemudahan pelancongan dan rekreasi

21. Salah satu ciri unit keijiran dalam Islam ialah ianya:
- A. 40 buah rumah dari setiap penjuru
 - B. Masjid atau surau terletak di sebelah arah Qiblat
 - C. Tidak boleh dipisahkan oleh kawasan besar seperti jalan raya dan sungai.
 - D. Kemudahan sekolah terletak di tengah unit keijiran
22. Mengikut sejarah proses perbandaran bandar di awal petempatan manusia; asas permulaan kehidupan bercorak bandar bermula apabila;
- A. wujudnya ketua agama yang berpengaruh di kalangan masyarakat petani.
 - B. wujudnya masyarakat bukan petani tinggal di kawasan bukan pertanian.
 - C. wujudnya masyarakat tentera yang tinggal di satu kawasan yang strategik.
 - D. wujudnya raja yang kuat dan membina istana di tengah-tengah kawasan pertanian.
23. Pusat tamadun purba telah wujud di merata tempat di pelusuk dunia **kecuali**:
- A. Indo China
 - B. India
 - C. Latin Amerika
 - D. Teluk Parsi
24. Piawaian kelebaran ruang (lorong) minimum untuk membolehkan dua buah lori atau bas berselesih dengan selesa adalah:
- A. 7 meter
 - B. 6 meter
 - C. 6.3 meter
 - D. 7.3 meter
25. Piawaian tempat meletak kenderaan (TLK) untuk rumah pangsa (flat) kos sederhana adalah:
- A. 1 TLK/unit + 10% pelawat
 - B. 1.5 TLK/unit + 20% pelawat
 - C. 1 TLK/unit + 20% pelawat
 - D. 1.5TLK/unit + 10% pelawat

26. Keperluan Penyediaan Pelan Fizikal Negara (RFN) terkandung dalam:
- A. Akta (A933) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 Pindaan 1995.
 - B. Akta (A1129) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 Pindaan 1995.
 - C. Akta (A933) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976, Pindaan 2001.
 - D. Akta (A1129) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976, Pindaan 2001.
27. Penyediaan Pelan Fizikal Negara (RFN) diketuai oleh
- A. YAB Perdana Menteri Malaysia.
 - B. Ketua Pengarah Jabatan Perancang & Desa Semenanjung Malaysia.
 - C. Ketua Menteri dan Menteri Besar setiap negeri Semenanjung Malaysia.
 - D. Pengarah Jabatan Perancang & Desa setiap negeri Semenanjung Malaysia.
28. Objektif Pelan Tempatan Daerah adalah:
- i Membentuk rangka kerja pembangunan gunatanah.
 - ii Membentuk langkah bagi melindungi & memperelok alam sekitar, topografi, pokok, tapak & bangunan bersejarah.
 - iii Merancang penyediaan kawasan lapang/rekreasi & langkah pengindahan landskap.
 - iv Merancang sistem perhubungan lalu lintas & komunikasi.
- A. i, ii & iv
 - B. i, ii, iii & iv
 - C. i, iii & iv
 - D. i, ii & iii
29. Salah satu dari kenyataan berikut agak KURANG TEPAT mengenai perancangan bandar:
- A. Perancangan seharusnya menggunakan data asas yang betul.
 - B. Perancang harus membuat keputusan yang rasional.
 - C. Sistem perancangan di Malaysia lebih memirip kepada revolusi.
 - D. Perancang seharusnya bijak mengagak ketika merancang.

30. Konsep 'Machizukuri' adalah salah satu komponen penting dalam proses perancangan bandar di Jepun. Konsep ini :-
- A. Melibatkan input penduduk tempatan dalam membina bandar .
 - B. Mengkelaskan zon-zon tertentu untuk tujuan-tujuan pembangunan yang terperinci.
 - C. Mengutamakan kawasan hijau sebagai elemen utama Bandar.
 - D. Merupakan satu konsep yang diveduk dari negara-negara Barat.
31. Projek Tambakan Laut merupakan contoh Perancangan:
- A. Peruntukan
 - B. Inovatif
 - C. Prosidur
 - D. Komprehensif
32. Ruang ini mungkin tiada kaitannya dengan proses keremajaan:
- A. Ruang ibadat
 - B. Sekolah
 - C. Tanah perkuburan
 - D. Ruang riadah
33. Kelulusan Susunatur juga dikenali sebagai:
- i. Kebenaran merancang
 - ii. Kelulusan pelan tatatur
 - iii. Kelulusan menduduki sementara
 - iv. Kelulusan membina bangunan
- A. i & ii
 - B. i, ii. & iii
 - C. ii & iii
 - D. iii & iv
34. Jiran, dalam konteks sebuah kondominium adalah:
- A. Mereka yang tinggal satu blok
 - B. Mereka yang tinggal satu tingkat
 - C. Mereka yang berasal dari satu negeri
 - D. Mereka yang kita kenal

35. Penduduk-penduduk asli Australia sering didapati mengamalkan pembakaran terbuka. Namun, mereka sebenarnya membakar tanah-tanah mereka kerana:
- i. Budaya dan adat resam turun temurun mereka
 - ii. Untuk mengawal kebakaran
 - iii. Suatu aktiviti masa lapang mereka
 - iv. Untuk menyuburkan tanah
- A. i, ii, & iii
 - B. ii, iii, & iv
 - C. i, ii, & iv
 - D. i, ii, iii & iv
36. Permohonan 'Ubah Syarat' bermaksud?
- A. Memohon perubahan terhadap syarat-syarat yang telah ditetapkan Pihak Berkuasa Tempatan ke atas Pelan Susunatur yang telah diluluskan.
 - B. Memohon perubahan syarat gunatanah sesebuah tapak dari sejenis kegunaan kepada kegunaan yang lain.
 - C. Memohon penjelasan terhadap syarat-syarat yang telah diubah ketika pembangunan dijalankan.
 - D. Memohon tapak yang baru setelah tapak yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan telah berubah.
37. Satu satu dari berikut bukan menjadi satu kewajipan kepada Pihak Berkuasa Tempatan di bawah Akta 172:-
- A. Meluluskan semua permohonan susunatur.
 - B. Mengambil tindakan ke atas pembangunan haram.
 - C. Mendapatkan pandangan awam terhadap sebarang permohonan pembangunan.
 - D. Membayar pampasan kepada pemilik-pemilik tanah yang telah diambil untuk tujuan pembangunan.
38. Proses paling akhir dalam suatu proses pembangunan adalah:-
- A. Kelulusan Sijil CF
 - B. Kelulusan Tukar Syarat
 - C. Kelulusan Pelan Bangunan
 - D. Kelulusan Pindah Milik

39. Undang-undang perancangan pertama di Malaysia telah dicadangkan oleh:-
- A. C.C. Reade
 - B. Zainuddin Muhammad
 - C. Charles Dickens
 - D. Stephen Cobbold
40.adalah suatu tahap di mana alam semulajadi mampu bertahan sebelum kemusnahan mula muncul.
- A. Tahap tepu pembangunan
 - B. Keupayaan Menampung
 - C. Had kemusnahan
 - D. Tahap bawaan

BAHAGIAN B. Jawab SEMUA Soalan. (60 MARKAH)

1. Dengan memberi contoh yang ringkas, sila terangkan apa itu Pembangunan Mampan?
- (10 Markah)
2. Penyertaan awam merupakan satu aspek perancangan yang penting di negara ini. Bincangkan bagaimana dan pada peringkat perancangan manakah, penduduk boleh turut serta untuk menyuarakan pandangan mereka.
- (10 Markah)
3. Apakah kesan-kesannya, sekiranya Laporan Cadangan Pemajuan (LCP) tidak dikemukakan semasa Permohonan Kebenaran Merancang, khususnya bagi tapak pembangunan yang mempunyai isu-isu berikut:
- “Dikelilingi oleh kawasan kritikal ataupun sensitif seperti tanah tinggi, rizab hutan simpan dan penempatan tradisional Melayu”.
- (10 Markah)

4. Penyediaan projek pembangunan memerlukan perkhidmatan infrastruktur sebagai pelengkap kepada pembangunan tersebut. Berikan jenis ataupun kategori infrastruktur, pihak yang menyediakan, kos terlibat dan tempoh masa penyediaannya.

(10 Markah)

5. Apa yang di maksudkan dengan Garis Panduan dan Piawai Perancangan? Senaraikan kepentingannya dalam konteks penyediaan pelan susunatur.

(10 Markah)

6. Apa yang di maksudkan dengan Rancangan Struktur Negeri (RSN)? Senaraikan kepentingannya dalam konteks perancangan bandar di negara kita.

(10 Markah)